

10/08/2001

Umi Kalthum restui perkahwinan Anita-Mahathir

Zul Husni Abdul Hamid

IBU penghibur antarabangsa, Anita Sarawak, Seniwati Datin Umi Kalthum, berdoa semoga perkahwinan keempat anak tirinya itu dengan Martin Cox atau nama Islamnya, Mohd Mahathir Abdullah, akan berkekalan hingga ke akhir hayat.

"Saya terlalu gembira. Sebagai ibu, saya merestui perkahwinan mereka. Mudah-mudahan perkahwinan ini adalah yang terakhir buat Nita.

"Lagipun, dia sudah 49 tahun. Sekurang-kurangnya saya tidak lagi bimbang apabila berjauhan dengannya. Ada orang yang akan menjaga dan mengambil berat ke atas dirinya," kata Umi ketika dihubungi Persada Seni, semalam.

Memetik laporan Bernama kelmarin, Anita berkahwin dengan pengurus peribadinya, Cox, minggu lalu di sebuah masjid di Las Vegas. Cox, 47, duda dari Britain, memilih nama Islam, Mohamad Mahathir Abdullah.

"Sebenarnya Nita mahu buat surprise (kejutan). Sebelum berkahwin, dia ada berpesan kepada saya supaya merahsiakan dulu perkara ini.

"Namun, tidak sangka pula beritanya cepat sampai ke sini. Sebenarnya, Nita bercadang untuk pulang ke Singapura bersama Mahathir bagi menjayakan satu program TV di sana. Mungkin ketika itu mereka akan buat pengumuman," ujar Umi. Anita yang popular dengan lagu Tragedi Buah Epal dan Cinta Nan Satu dijangka kembali ke republik itu, Isnin ini.

"Saya difahamkan, Nita akan berada di Malaysia dan Singapura selama lima bulan dan sepanjang tempoh itu dia sibuk dengan pelbagai program.

"Apa yang dapat saya katakan, Mahathir seorang yang bertanggungjawab dan memahami. Banyak kali juga saya berjumpa dengannya. Dia cukup hormat orang tua, malah setiap kali bersalam, dia akan cium tangan saya. Dalam hati saya dulu, memang berniat, harap-harap dia jadi menantu!

"Tidak sangka akhirnya Nita bertemu jodoh juga dengan Martin dan saya berdoa semoga jodoh mereka kekal ke akhir hayat," kata Umi.

Anita pernah tiga kali berkahwin, pertama dengan pemuzik Mohamad Abdul Samad, diikuti Broery Marantika dan JD Nicholas.

Sementara itu, Pengurus Anita di Singapura, Hafeez Glamour, mengesahkan perkahwinan terbaru Anita ketika dihubungi sebuah akhbar di negara itu.

"Martin sudaheluk Islam lebih sebulan lalu. Dia memang lama berminat mengenali Islam, sebab itulah dia cukup berhati-hati hubungannya dengan Anita," kata Hafeez.

Anita yang menetap di Las Vegas 15 tahun lalu, sering pulang ke Malaysia dan Singapura bagi menjayakan persembahan pentas. Dia kini dilaporkan mengikat kontrak lima bulan dengan badan penyiaran Singapura, MediaCorp.

(END)